

**Rais Temui 200 Anggota PETEKMA Cawangan SABAH Esok
Bernama
30 Mac, 2012**

KOTA KINABALU, 30 Mac (Bernama) -- Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim akan bersama 200 anggota Pertubuhan Pemandu, Pengusaha Teksi/Limosin dan Kereta Sewa Malaysia (PETEKMA) dalam Program Penghayatan 1Malaysia di sini tengah hari esok.

Pengarah Penerangan Sabah Almain Ajirul berkata program itu akan diadakan di Lintasan Deasoka dan Perhentian Awam Padang Merdeka bermula 8 pagi.

Beliau dijangka melekatkan logo 1Malaysia pada teksi anggota PETEKMA selain mengedar risalah kepada peserta dan orang ramai, katanya kepada pemberita di sini Jumaat.

Sempena program itu, pameran serta taklimat keselamatan turut diadakan oleh pelbagai jabatan termasuk Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Diraja Malaysia manakala ceramah "Penghayatan 1Malaysia" akan diadakan oleh Jabatan Penerangan.

Sebanyak 23 kaunter aduan akan dibuka oleh jabatan dan agensi kerajaan persekutuan dan negeri bagi membolehkan masyarakat menyalur cadangan dan maklumat berkaitan permasalahan rakyat, kata Almain.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655977>